

## Tinjauan Buku

### Sejarah Raja-Raja Patani dalam Manuskrip Buluh

**Wan Khairoslinda Wan Mohd Khairi & Salmah Jan Noor Muhammad**

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2025, 49 halaman  
ISBN 978-983-49-5258-7

Buku ini merupakan hasil transliterasi manuskrip *MS 20 Hikayat Raja Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya* yang berada dalam koleksi Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kehadiran buku ini di persada kesusasteraan Melayu tanah air antara lainnya bertolak daripada ketiadaan lagi kajian yang menekuni naskhah ini secara saksama di samping faktor yang paling utama sekali iaitu keunikan penghasilan manuskrip ini berbanding dengan naskhah Melayu yang lain yakni ditulis pada 28 keping buluh. Secara keseluruhannya, buku ini dicerakinkan oleh penulis kepada dua bab utama iaitu bab pendahuluan dan bab transliterasi naskhah *MS 20 Hikayat Raja Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya*.

Dalam bab pendahuluan, penulis telah melakukan perbincangan yang cukup rinci terhadap beberapa aspek penting mengenai manuskrip *MS 20 Hikayat Raja Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya*. Perbincangan pada bab pendahuluan ini dimulakan oleh gandingan penulis dengan memperkatakan mengenai peranan signifikan yang dimainkan oleh istana kerajaan Melayu sebagai pusat utama yang berperanan dalam mengumpul, menyalin dan seterusnya menyebarkan hasil kesusasteraan Melayu tradisional di seluruh pelosok rantau Alam Melayu. Keadaan tersebut merupakan reaksi positif terhadap perkumpulan para bijak pandai di istana yang menggerakkan kepesatan aktiviti kesusasteraan seperti yang dinyatakan. Selain menjadi nadi dalam aktiviti kesusasteraan di istana, golongan bijak pandai berkenaan juga turut menjadi pemuka dalam menghasilkan sebuah genre yang cukup berpengaruh dalam kesusasteraan Melayu tradisional iaitu sastera sejarah. Dari pena barisan bijak pandai berkenaan, maka terkaranglah deretan naskhah yang digolongkan sebagai sastera sejarah dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional. Dalam pada itu, seiring dengan kewujudan kerajaan Melayu Patani di rantau alam Melayu turut memungkinkan berkembangnya genre sastera sejarah di selatan Siam yang antara lainnya ditandai dengan kehadiran *MS 20 Hikayat Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya* dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional.

Lanjutan itu, perbincangan dalam bab yang sama diteruskan lagi oleh kedua-dua penulis dengan menyoroti penelitian awal yang telah dilaksanakan oleh barisan inteligensia baik daripada Barat mahupun tempatan terhadap Patani daripada pelbagai sudut pandang berdasarkan disiplin ilmu masing-masing yang dipegang. Perbincangan terhadap penelitian awal mengenai Patani tersebut membawa kepada sebuah rumusan iaitu sarwap pandang penulisan terdahulu telah ditujahkan terhadap aspek agama, sejarah, ekonomi, politik dan sosial. Hal tersebut sekaligus memunculkan jurang ilmu terhadap manuskrip yang ditekuni ini yang masih lagi kurang mendapatkan perhatian yang sewajarnya dalam kalangan para sarjana. Oleh itu, kelompangan berkenaan menurut kedua-dua penulis wajar untuk diisi di samping mengetengahkan pemahaman yang jitu mengenai ciri-ciri sastera sejarah dalam manuskrip milik kerajaan Patani.

Berikutnya, deskripsi mengenai naskhah *MS 20 Hikayat Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya* mulai mengambil alih fokus perbincangan kedua-dua penulis. Menerusi subtopik ini, penulis menyentuh mengenai judul manuskrip iaitu *MS 20 Hikayat Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya* yang kini berada dalam koleksi Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Keadaan asal fizikal manuskrip mempamerkan keistimewaan berbanding manuskrip Melayu yang lain lantaran ditulis di atas bilah buluh. Fizikal naskhah terdiri daripada 28 keping buluh secara keseluruhannya, disusun mengikut urutan atas ke bawah dan ditebuk pada bahagian kiri dan kanan agar dapat diikat dengan tali untuk memudahkan manuskrip disimpan dan dirujuk. Dalam pada itu, naskhah ini berukuran 4 sm x 39 sm dengan menyaksikan setiap bilah buluh memuatkan rata-rata 8 baris dengan 28-30 patah perkataan dan pengisahan dalam manuskrip ini berbentuk prosa. Manuskrip ini juga dihiasi iluminasi dengan ilustrasi yang beraneka warna.

Menyentuh mengenai usia manuskrip, kedua-dua penulis menyatakan bahawa usia manuskrip ini sukar ditentukan namun dianggarkan berusia tidak melebihi 100 hingga 110 tahun dengan berdasarkan rujukan silang yang dilakukan terhadap manuskrip yang bukan asli dan yang disalin daripada manuskrip lain. Di samping usia, pengarang kepada manuskrip ini juga tidak dapat diketahui memandangkan tiada sebarang catatan nama pengarang mahupun penyalin yang ditinggalkan di mana-mana bahagian manuskrip ini. Lanjutan itu, bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk mengarang manuskrip ini ialah bahasa Melayu lama seperti bahasa yang biasa digunakan dalam manuskrip Melayu yang lain. Dalam pada itu, aspek tulisan dalam naskhah ini dibicarakan oleh penulis menerusi lima indikator utama iaitu penanda halaman, jenis tulisan, ukuran huruf atau aksara, warna dakwat dan penggunaan tanda baca. Dari segi sistem ejaan pula, pengarang manuskrip berkenaan ditemukan tidak menggunakan huruf secara tetap dengan menyaksikan berlakunya pengguguran dan penambahan baik vokal mahupun konsonan, penggunaan hamzah dan kata ganda dan pengulangan leksikal. Manuskrip ini juga menggunakan huruf Arab-Melayu yang diketengahkan oleh Zainal Abidin Ahmad.

Perbincangan dilanjutkan oleh pengarang dengan mengemukakan ikhtisar keseluruhan teks *MS 20 Hikayat Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya* agar kandungan naskhah ini dapat difahami dengan mudah dan baik oleh khalayak. Selanjutnya, penulis meneruskan perbincangan dengan membicarakan mengenai konsep genre sastera sejarah dalam persejarahan Melayu. Menurut penulis, konsep kedua-dua perkara ini boleh disoroti menerusi lensa sarjana Barat dan timur. Berdasarkan penelitian terhadap pandangan sarjana Barat, kedua-dua penulis menyatakan bahawa ukuran pengertian sejarah di Barat sering ditanggapi sebagai bersifat objektif yang berpijak pada dunia realiti, bukan bersifat fantasi dan memerlukan pentarikan dan peristiwa yang benar-benar berlaku. Namun begitu, ukuran sejarah berdasarkan prespektif Barat ini menurut penulis tidak boleh digunakan secara mutlak untuk memperkatakan mengenai sastera sejarah atau historiografi Melayu. Hal tersebut kerana pola penulisan sastera sejarah dipengaruhi oleh unsur-unsur kepercayaan dan kebudayaan yang bersumber daripada Hindu-Buddha dan Islam. Dalam pada itu, untuk mengenal pasti sesebuah karya itu berada dalam kategori sastera sejarah atau sebaliknya, sesebuah karya itu hendaklah mengandungi salah satu daripada ciri-ciri sastera sejarah yang digariskan iaitu penceritaan tentang asal usul raja, pemaparan jurai keturunan raja, peristiwa pembukaan negeri, peristiwa kedatangan dan perkembangan agama Islam dan peristiwa kejatuhan negeri berkenaan.

Perbincangan dalam bab ini dilanjutkan lagi dengan menyaksikan kedua-dua penulis memperkatakan isi kandungan *MS 20 Hikayat Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahnya* berdasarkan ciri-ciri sastera sejarah yang disinggung sebelumnya. Dari sudut ciri jurai keturunan raja, manuskrip ini menerusi kepingan buluhan yang kedua dan ketiga menyatakan bahawa jurai keturunan raja-raja Patani bercekal bakal daripada Raja Bahadur dan Raja Bima. Setelah kemangkatan kedua-dua

raja berkenaan, pemerintahan kerajaan Patani kemudiannya diselenggarakan oleh barisan Raja Pelangi yang masyhur. Lanjutan itu, manuskrip ini juga tidak ketinggalan daripada merakamkan mengenai perkembangan agama Islam di Patani menerusi peristiwa Raja Antira yang memeluk agama Islam dan kehadiran Syeikh Faqih Saifudidin daripada Pasai yang menyebarkan agama Islam. Selain itu, naskhah ini juga menyuratkan mengenai tanda-tanda kejatuhan Patani pasca kemangkatan Raja Kuning.

Berikutnya, kedua-dua penulis menggunakan bab yang sama untuk meninggalkan maklumat bahawa *MS 20 Hikayat Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahanya* bukanlah naskhah tunggal mengenai Patani yang berada dalam simpanan koleksi manuskrip Pusat Dokumentasi Melayu. Terdapat dua lagi naskhah seumpamanya dalam koleksi berkenaan iaitu *MS 181 Sejarah Patani* dan *MS 182 Syair Sejarah Patani*. Perbincangan terhadap keadaan dan ikhtisar kedua-dua naskhah dan yang terpenting sekali iaitu penelitian berdasarkan ciri-ciri sastera sejarah terhadap dua naskhah berkenaan mendorong kedua-dua penulis menyimpulkan bahawa ketiga-tiga manuskrip terkait kerajaan Patani yang kini berada dalam koleksi Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka mengandungi kelima-lima sastera sejarah. Oleh yang demikian, ketiga-tiga manuskrip ini wajar ditekuni dengan saksama agar boleh dinikmati oleh generasi kontemporari.

Lanjutan itu, bab kedua dalam buku ini merupakan hasil transliterasi manuskrip *MS 20 Hikayat Patani: Keturunan Raja-raja Patani dan Sejarahanya*. Berdasarkan kerja-kerja transliterasi berkenaan, pengisahan dalam manuskrip ini diawali dengan unsur doksologi. Selanjutnya, penulis menyatakan tujuan beliau mengarang manuskrip ini yang kelak akan bermanfaat kepada generasi terkemudian. Selanjutnya, dalam keping buluh yang pertama, pengarang menyatakan manuskrip ini sebagai kitab Hikayat Negeri Melayu diikuti dengan pemerihalan jurai keturunan raja-raja Patani. Pada keping buluh keempat, pengarang memulakan penceritaannya terhadap kerajaan Patani pada era pemerintahan Sultan Mudzaffar Syah. Ketika berlangsungnya pemerintahan baginda, Sultan Mudzaffar Syah menitahkan angkatan perang Patani melancarkan serangan ke atas kota Ayuthia dengan menasarkankan Raja Siam. Dalam serangan tersebut, pertahanan Siam berjaya ditembusi sehingga menyebabkan orang Siam bersembunyi di Kok Mahapram. Namun, serangan balas orang Siam berikutnya berjaya memukul undur angkatan Patani kembali ke negeri mereka dan Sultan Mudzaffar Syah pun mangkat. Pucuk pimpinan kerajaan Patani kemudiannya mulai diambil alih oleh barisan Raja Pelangi.

Berikutnya, kisah dalam manuskrip ini diterusya dengan menceritakan mengenai lawatan Raja Seri Wijaya sehingga berjaya menakluk sampai ke Tokong Patung. Seterusnya, pengarang menghuraikan asal-usul negeri Patani ketika Raja Seri Wangsa membuka negeri kota yang digelar sebagai Patani. Setelah kemangkatan baginda, pemerintahan Patani diambil alih oleh anakanda baginda iaitu Raja Antira. Di Pasai, terdapat seorang ulama yang bernama Tuan Syeikh Saifuddin yang terkenal dengan kebolehan. Tatkala Raja Antira menderit penyakit kusta, Tuan Syeikh Saifuddin mencuba ingin mengubat baginda. Sebagai timbal balas, Raja Antira bersetuju memeluk agama Islam. Setelah sembuh, baginda lantas menunaikan janjinya dengan gelaran baru Sultan Muhamad Syah sekali gus mendorong rakyat terbanyak di Patani turut memeluk agama Islam. Selanjutnya, Sultan Muhamad Syah menghantar utusan ke Melaka untuk menjalin persahabatan.

Utusan diplomatik Patani diterima dengan baik oleh Sultan Melaka dengan mengirinkan hadiah kepada Sultan Muhamad Syah. Selain daripada itu, baginda juga turut berhasrat menjalinkan hubungan dengan Siam. Mulai 1516, Patani mulai menerima kehadiran orang Portugis untuk mengurus niaga. Setelah kemangkatan baginda, kerajaan Patani kemudiannya diperintah oleh salah seorang putera baginda, Raja Muzaffar. Semasa menyelenggarakan pemerintahan kerajaan Patani, Sultan Muzaffar Syah berhasrat mengunjungi Siam-Thai untuk mengeratkan hubungan. Namun, niat baik baginda itu gagal mendapat reaksi yang positif daripada Raja Siam, Pramaha Chaprapada.

Selanjutnya, manuskrip ini menyinggung mengenai bangsa Jakun yang menempati sekitar pantai Timur dan antara Pulau Sumatera. Dikisahkan bahawa asal-usul bangsa Melayu pada zaman dahulu merupakan zuriat orang Jakun yang bercampur dan bergaul bangsa lain. Turut disebutkan bahawa buku Tawarikh Siam-Thai ada merakamkan mengenai nama tempat Bukit Merah namun tarikh sebenar Patani didirikan tidak diketahui. Sementara itu, buku Tawarikh Negeri Pathalung pula menyatakan tentang pemerintahan kerajaan Melayu yang diketuai oleh Sultan Sulaiman.

Selain itu, pulau Sumatera dan pulau-pulau berdekatan yang dihuni oleh orang Sakai, Batak dan Bugis turut disentuh. Pada asalnya, bangsa-bangsa ini menganut agama Mahayana sebelum kemudiannya memeluk agama Islam setelah agama Islam tersebar di Nusantara. Pada masa yang sama, asal-usul orang Siam yang datang ke Tanah Melayu sehingga berkahwin dengan orang tempatan dan membuka beberapa buah negeri turut disentuh. Dalam pada itu, kisah dalam manuskrip ini diteruskan dengan menceritakan asal-usul nama kampung Pak Tani iaitu daripada seorang nelayan tua yang berbangsa Melayu bernama Tani. Kepingan buluh yang terakhir dalam manuskrip ini memuatkan hasrat penulis agar naskhah ini dapat disalin dan dibaca oleh generasi muda untuk kemaslahatan mereka di hari muka kelak.

Steven Alezender

Pensyarah

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia.